

Shanghai Disneyland



**6 HARI 4 MALAM**  
**SHANGHAI + DISNEYLAND**  
**+ SUZHOU + HANGZHOU**

Shanghai - Suzhou - Hangzhou - Disneyland

**HARGA FIESTA**  
 ALL-IN RM **2,690**

**WARGA EMAS**  
 ALL-IN RM **2,650**

**MUSIM**  
 Musim Panas Mei - Oktober

**MATAWANG**  
 Chinese Yuan 1 CNY = RM0.61

**PERBEZAAN WAKTU**  
 Shanghai : Tiada perbezaan waktu

**HOTEL PENGINAPAN**

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
SHANGHAI	2	Hotel Rayfront Xuhui / setaraf
SUZHOU	1	Hotel Joy Holiday / setaraf
HANGZHOU	1	Hotel Mingkeming / setaraf

**HARI 1**  
**KUALA LUMPUR - SHANGHAI** MT/MM

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke Shanghai. Sejurus ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Shanghai Pudong, tetamu akan disambut oleh wakil kami. Kemudian tetamu akan dibawa ke **People's Square**, taman yang amat terkenal di tengah-tengah kota Shanghai. Seterusnya tetamu akan dibawa ke **Nanjing Pedestrian Street** yang dikenali sebagai lokasi membeli-belah terbesar di China dan **Chenghuangmiao Old Town** yang dikelilingi dengan bangunan lama zaman Dinasti Ming dan Qing, juga terkenal sebagai kawasan yang menjual barangan antik, barang kemas, kain sutera dan bermacam lagi. Makan tengahari dan solat di masjid yang terbesar di Shanghai, **Xiaotaoyuan Mosque** yang struktur asalnya dibina pada tahun 1917 sebelum dibina semula pada tahun 1925 seperti rekabentuk sekarang. Lawatan diteruskan ke **Oriental Pearl TV Tower** iaitu menara komunikasi untuk radio dan TV setinggi 468m. Akhirnya tetamu akan dibawa untuk menyaksikan **Acrobatic Show** yang sungguh unik dan mendebarkan. Pelbagai jenis persembahan akan dipertontonkan, sememangnya satu pengalaman yang amat menarik. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

**HARI 2**  
**SHANGHAI - SUZHOU** SP/MT/MM

Sarapan pagi di hotel. Kemudian bertolak menuju ke kota **Suzhou** yang pada zaman dahulu kala pernah menjadi salah satu dari 10 bandar yang terbesar di dunia. Tarikan paling utama di kota ini adalah **Pan Men Gate** yang merupakan sebuah pintu masuk berusia 2,500 tahun ke kawasan yang dikenali sebagai **Pan Gate Scenic Area**. Kawasan ini terkenal dengan binaan kuno berusia beribu tahun yang masih terpelihara dengan baik sekali seperti **Pagoda of Auspicious Light, Land & Water Gates** dan



**Wumen Bridge** dengan persekitarannya yang sangat indah kerana dahulunya kawasan ini merupakan taman diraja. Tetamu kemudiannya akan dibawa melawat **Lotus Garden** yang cukup popular di seluruh dunia kerana taman ini adalah seperti impian klasik zaman kecil dengan bunga lotus memenuhi tasik dan menegellingsi pavilion (pondok). Tetamu juga berpeluang untuk menaiki cruise boat menyusuri tasik yang dipenuhi bunga lotus ini. Tetamu kemudiannya diberi masa untuk membeli-belah di **Silk Factory** yang popular dengan pembuatan kain sutera sambil mempelajari bagaimana proses kain sutera China diproses. Makan tengahari di restoran dan solat di **Taipingfang Mosque** yang dibina pada tahun 1924 lagi dan sebahagian dari struktur masjid ini masih menggunakan batuan dari zaman Dinasti Qing dan Ming. Seterusnya, tetamu dibawa menuju ke **Shantang Street** yang terkenal dengan bangunan bersejarah dan budaya rakyat tempatan, malahan di sini tetamu juga berpeluang untuk membeli cenderamata. Singgah membeli-belah di **Suzhou Outlet Village** yang menempatkan pelbagai jenama barangan terkenal antarabangsa seperti Coach, Bally, Clarks, Dolce & Gabbana, Michael Kors, Paul Frank dan banyak lagi pada harga yang cukup menakjubkan, diskaun sehingga 70% dari harga asal dan ianya adalah asli! Akhirnya tetamu akan dibawa ke **Suzhou Bird Nest Stadium** sambil menyaksikan pertunjukan LED yang cukup unik berwarna-warni. Makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

**HARI 3**  
**SUZHOU - HANGZHOU** SP/MT/MM

Sarapan pagi di hotel. Selepas itu tetamu akan dibawa menuju ke Hangzhou. Setibanya di sana, melawat **Dragon Well Tea Farm** yang mempunyai sejarah 1,200 tahun sebagai salah satu pengeluar teh yang tersohor di China. Melawat sekitar **West Lake** yang cukup indah terletak di tengah-tengah bandar ini. Berfoto di **Long Bridge** yang menyimpan kisah Romeo-Juliet versi China antara Shanbo dan Yingtai. Dari sini juga tetamu dapat melihat **Leifeng Pagoda**. Bertolak menuju ke Shanghai dan setibanya di sana, melawat **Traditional Health Shop**. Akhirnya tetamu dibawa untuk merasai pengalaman bermakna dengan dibawa menaiki **Huangpu River Cruise** sambil menikmati pemandangan indah bandar Shanghai. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

**HARI 4**  
**HANGZHOU - SHANGHAI - DISNEYLAND** SP

Sarapan pagi di hotel. Kemudian tetamu akan dibawa menuju ke **Shanghai Disneyland**; taman tema kedua dibina di China selepas Hong Kong. Tetamu berpeluang untuk menghiburkan diri bersama keluarga dengan pelbagai jenis permainan yang tersedia di situ. Antaranya ialah **Gardens of Imagination** yang menawarkan tarikan termasuk **Dumbo the Flying Elephant, Fantasia Carousel** dan **Marvel Universe** yang menampilkan pelbagai watak **Marvel Super Heroes**. Ada juga tarikan **Disneytown, Pirates of the Caribbean** dan sudah tentulah **Enchanted Storybook Castle** yang menjadi tarikan paling utama di sini. Pulang ke hotel sesudah selesai pertunjukan bunga api.

**HARI 5**  
**SHANGHAI - KUALA LUMPUR** SP/MT

Selesai bersarapan pagi di hotel, tetamu akan dibawa untuk membeli-belah di **Jewellery Centre**, dan **Chenghuangmiao Bazaar** untuk dibawa pulang sebagai cenderamata, makan tengahari sebelum menuju ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

**HARI 6**  
**KUALA LUMPUR**

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur



**27 Ogos**  
**22 Okt 2019**

**中國東方航空**  
**CHINA EASTERN**

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 2,990	RM 3,490	RM 2,890	RM 2,890	RM 2,590
Warga Emas	RM 2,890	RM 3,390			
FIESTA	RM 2,690	RM 3,190	RM 2,590	RM 2,590	RM 2,290
Warga Emas	RM 2,650	RM 3,150			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	MU 9862	K. LUMPUR - SHANGHAI	0210	0740
05	MU 9861	SHANGHAI - K. LUMPUR	1915	0110+1

**26 Nov**  
**3, 10, 17 Dis 2019**

**中國東方航空**  
**CHINA EASTERN**

**Air Asia**

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 2,990	RM 3,490	RM 2,690	RM 2,690	RM 2,490
Warga Emas	RM 2,890	RM 3,390			
FIESTA	RM 2,790	RM 3,290	RM 2,490	RM 2,490	RM 2,290
Warga Emas	RM 2,750	RM 3,250			

**26 Nov 2019**

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	MU 9862	K. LUMPUR - SHANGHAI	0210	0740
05	MU 9861	SHANGHAI - K. LUMPUR	1915	0110+1

**3, 10, 17 Dis 2019**

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	D7 332	K. LUMPUR - SHANGHAI	2325	0445+1
06	D7 331	SHANGHAI - K. LUMPUR	0135	0710

- Pakej Termasuk**
- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan segala cukai penerbangan.
  - Elaun Bagasi (check in) 20kg sehala dan Bagasi Kabin 7kg.
  - Penginapan 4 malam yang selesai di hotel bertaraf 4\* (rujuk senarai hotel ditawarkan).
  - Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
  - Pengangkutan bus persiaran yang selesai dan lawatan seperti aturcara.
  - Tiket masuk ke tempat lawatan: Shanghai Disneyland, Lotus Garden dan Bot Cruise, Acrobatic Show dan Huangpu River Cruise.
  - Urusan visa memasuki China.
  - Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman.
  - Tip kepada pemandu pelancong dan kapten bus persiaran.
  - Diiringi ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.

- Pakej Tidak Termasuk**
- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
  - Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam waktu perlepasan)
  - Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
  - Makan minum, tiket lawatan dan lawatan lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
  - Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
  - Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

